



Unimas kaji guna tenaga teknikal



BINCANG...Dr. Napsiah Mahfoz (tengah) ketika berbincang dengan Dr. M.G. Kanbur (kanan) dan Dr. Rujhan Mustapha, selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di Wisma Bapa Malaysia semalam.

Oleh JUMIET NYIREK

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mengadakan satu kajian guna tenaga teknikal untuk sektor perkilangan di negeri ini bagi menilai bekalan guna tenaga yang diperlukan dalam merealisasikan matlamat ke arah sebuah negara perindustrian.

Sehubungan itu, Unimas telah membentuk satu pasukan penyelidik khas yang diketuai oleh Profesor Dr. Napsiah Mahfoz bagi menjalankan kajian tersebut.

Bercakap kepada pemberita selepas upacara menandatangani perjanjian persefahaman dengan Yayasan Sarawak di Bangunan Wisma Bapa Malaysia di Petra Jaya dekat sini semalam, Prof. Dr. Napsiah berkata kajian tersebut bertujuan menyelidik stok guna tenaga semasa dan pada masa hadapan.

Di samping itu, katanya ia turut meliputi kajian terhadap permintaan serta bekalan guna tenaga teknikal di negeri ini dalam sektor aktiviti perkilangan.

"Kita juga akan membuat penilaian tentang kapasiti dan potensi latihan teknikal dan institusi pendidikan di negeri ini berhubung kursus-kursus yang ditawarkan serta bilangan graduan atau pelatih yang telah menamatkan latihan dalam setahun," katanya.

Napsiah juga berkata kajian itu adalah untuk membuat perakuan bagi latihan teknikal dan strateginya untuk memenuhi permintaan guna tenaga tersebut sehingga tahun 2005.

Katanya kajian tersebut dijangka mengambil masa selama tujuh bulan dan telah bermula sejak September lalu.

"Kita berharap dengan kajian ini satu indikasi mengenai permintaan guna tenaga teknikal sehingga tahun 2005," tambah beliau.

Beliau juga berkata melalui kajian itu akan dapat diketahui jumlah bekalan guna tenaga yang dikeluarkan dari institusi-institusi yang sedia ada sehingga tarikh jangkaan.

Menurut Napsiah lagi satu indikasi mengenai pertambahan dalam bekalan guna tenaga teknikal juga akan diperolehi melalui kajian itu.

Di samping itu, tambah beliau, beberapa program dan institusi baru serta pertambahan

dalam insitansi yang sedia ada juga boleh diadakan melalui hasil kajian itu.

"Kajian ini juga adalah satu peranan yang perlu dimainkan oleh kedua-dua sektor kerajaan dan swasta dalam mempromosikan latihan serta pendidikan dalam bidang teknikal," katanya.

Bagi memastikan kajian tersebut berjaya mencapai matlamatnya Napsiah akan dibantu oleh dua orang rakannya iaitu Professor Dr. M.G. Kanbur dan Dr. Rujhan Mustapha.

Perjanjian persefahaman yang ditandatangani semalam telah dibuat di hadapan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Turut hadir pada upacara itu ialah Pengarah Yayasan Sarawak, Syed Abdul Rashid Aziz dan timbalannya, Haji Salleh Haji Sulaiman.

Arkib
NEW
56.23
35
1997